

04 AUG 1996
UMNO-Beaufort
MESYUARAT UMNO BEAUFORT DISAMBUNG HARI INI

BEAUFORT, 4 Ogos (Bernama) -- Persidangan perwakilan UMNO Bahagian Beaufort yang ditangguhkan selepas berlaku kekecohan pada 27 Julai lepas, disambung hari ini dengan kawalan ketat polis.

Pemerhati tidak dijemput untuk mengikuti perjalanan persidangan hari ini untuk memudahkan kawalan dan hanya anggota perwakilan serta tetamu undangan dibenarkan memasuki Dewan Pak Musa, tempat berlangsungnya persidangan itu.

Persidangan hari ini juga menyaksikan seorang calon, Pengiran Ali Pengiran Salam, yang pada mesyuarat lepas membantah kerana namanya tidak ada dalam senarai calon wakil ke Perhimpunan Agung Oktober ini, tewas dalam pemilihan itu selepas hanya mendapat 227 undi.

Seorang lagi calon, Hussein Aman juga gagal mendapat tempat dalam 10 senarai anggota perwakilan yang dipilih. ini.

Mereka yang dipilih ialah Datuk Karim Bujang, Datuk Nurnikman Abdullah, Azizah Mohd Dun, Okal Haji Abdul, Isnin Aliasni, Yusof Said, Awang Banani, mendapat lebih 400 undi daripada 651 ahli yang hadir.

Persidangan pada 27 Julai lepas terpaksa ditangguhkan sejeurus selepas ucapan perasmian oleh wakil Badan Perhubungan UMNO negeri Encik Sapawi Ahmad apabila berlaku pergaduhan membabitkan sekurang-kurangnya 30 anggota perwakilan dan pemerhati.

Pergaduhan itu dikatakan tercetus selepas Pengiran Ali menyuarakan rasa tidak puas hati kerana namanya tidak tersenarai untuk pemilihan 10 wakil ke Perhimpunan Agung parti.

Tiga orang cedera, seorang daripada mereka dikejarkan ke Pusat Perubatan Sabah di Kota Kinabalu untuk rawatan segera.

Ketua UMNO Bahagian Beaufort, Datuk Lajim Haji Ukin ketika ditemui pemberita berkata beliau berpuas hati dengan persidangan hari ini yang disifatkannya sebagai berjalan lancar.

"Nampaknya perwakilan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan saya harap anggota UMNO bahagian ini bersatu dan mengikis rasa tidak puas hati, sebaliknya menerima keputusan majoriti," katanya.

Mengenai jumlah kehadiran perwakilan merosot kepada 651 orang berbanding 697 minggu lepas, Lajim berkata ia tidak menjejaskan urusan mesyuarat.

"Kita belum pastikan cawangan mana yang tidak menghantar wakil. Kemungkinan besar mereka yang tidak menghantar wakil kerana tidak dapat dihubungi atau keliru mengenai tarikh dan tempat persidangan," katanya.

Persidangan kemudian meluluskan usul ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memimpin UMNO dengan jayanya dalam tempoh 15 tahun lepas. -- BERNAMA

NT MAI